

13/10/2001

Orang Melayu perlu berfikiran jauh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Orang Melayu perlu berfikiran jauh menjangkau beberapa generasi, agar dapat mengikis sikap `kais pagi makan pagi'.

Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sekretariat Melayu Antarabangsa, Tan Sri Muhamad Mohd Taib, berkata Orang Melayu perlu bermula dari sekarang untuk menjadikan mereka pemimpin dalam pelbagai bidang.

"Mereka juga mesti memperkukuh jati diri Melayu untuk memastikan tidak mudah terpengaruh dengan budaya negatif," katanya.

Muhamad berkata, bangsa Melayu perlu membina diri untuk terus hidup dan bersaing bagi memastikan mereka tergolong dalam kelompok yang `menang'.

Beliau berkata, ini kerana dalam era globalisasi hanya wujud dua golongan iaitu kelompok menang dan kalah.

"Orang Melayu juga perlu memahami globalisasi dengan betul bagi mengelak terjerumus dengan perangkap yang dicipta oleh pihak barat.

"Ini adalah gejala yang cukup mengancam jati diri dan masa depan bangsa Melayu, terutama sekali kepada orang Melayu yang menjadi etnik minoriti di negara masing-masing," katanya ketika merasmikan Persidangan Dunia Melayu di sini, malam ini.

Muhammad berkata Wawasan 2020 adalah eksperimen suntikan perubahan yang cuba dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi memajukan negara dan bangsa khususnya orang Melayu.

Persidangan yang bertemakan Melayu dan Ertinya KeMelayuan itu dianjurkan oleh Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Gapena) bersempena Bulan Kesenian Antarabangsa.

Persidangan Dunia Melayu yang berlangsung bermula hari ini hingga 14 Oktober itu mempertemukan tokoh daripada kalangan bangsa Melayu di seluruh dunia bagi merumus dan merangka tindakan bagi mengembalikan tradisi keMelayuan.

(END)